

Dr. M tolak label NIC kerana bantut pertumbuhan (P)

UM 19 FEB 1991

KUALA LUMPUR 18 Feb. — Perdana Menteri menegaskan beliau menolak label Negara Baru Perindustrian (NIC) semata-mata kerana label itu akan membantutkan proses pertumbuhan ekonomi.

"Apa yang saya katakan ialah sesebuah negara itu tidak perlu dipanggil sebagai NIC atau apa saja, yang penting ialah membiarkan negara itu berkembang," kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau juga menyifatkan pemberian taraf Negara Baru Perindustrian (NIC) kepada sesebuah negara membangun adalah satu helah negara - negara maju menyekat pertumbuhan ekonomi negara berkenaan.

Beliau menambah, negara-negara maju bertindak demikian setelah gagal menyekat Jepun yang kini sudah setanding dengan mereka.

"Sekarang negara - negara maju mahu memastikan selepas Jepun tidak akan ada lagi sebarang negara yang mencapai tahap kemajuan seperti Jepun," katanya dalam program Wawancara Khas dengan RTM malam ini.

Perdana Menteri berkata, beliau menentang pemberian taraf NIC untuk negara-negara membangun kerana sebaik sahaja ia dibuat, negara-negara maju akan bertindak menyekat pertumbuhan negara berkenaan.

Beliau menjelaskan, negara-negara maju akan memaksa NIC menilai semula mata wang negara itu untuk mengurangkan dayaandingnya.

"Mereka akan mengkaji rekod hak asasi kemanusiaan, pertumbuhan pekerja dan alam sekitar. Semuanya ini adalah helah untuk menyekat pertumbuhan ekonomi negara tersebut supaya negara itu tidak boleh bertanding dengan mereka.

"Itulah sebabnya mengapa mereka mahu memberi taraf NIC ini. Sebaik sahaja kita masuk dalam klasifikasi itu, mereka akan sengaja akan melambatkan pertumbuhan ekonomi kita," kata Perdana Menteri.

Menjawab pertanyaan sama ada Malaysia bersedia menghadapi kemungkinan kehilangan kemudahan Sistem Kemudahan Am (GSP), Perdana Menteri menjawab, negara perlu bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.